

Pembukaan sempadan pacu pertumbuhan ekonomi negara

Oleh [Mahaizura Abd Malik](#) - Mac 5, 2022 @ 4:27pm
mahaizura@hmetro.com.my



Tan Sri Muhyiddin Yassin.

JOHOR BAHRU: Pembukaan semula sempadan negara berupaya memacu kembali pertumbuhan ekonomi negara dengan jangkaan pendapatan RM80 bilion setahun.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, apabila sempadan negara dibuka, jumlah kemasukan pelancong ke negara ini dijangka mencecah 28 juta.

"Saya rasa cukup besar cabaran itu untuk menentukan dalam satu tempoh munasabah, tidak terlalu lama negara kita akan kembali pulih bukan pulih seperti 2019 sebelum COVID-19.

"Kita sudah melaksanakan vaksinasi, sekurang-kurangnya sektor ekonomi mula dibuka semula. Namun itu masih tidak cukup kerana Malaysia mempunyai potensi menarik pelaburan luar misalnya Johor yang merekodkan antara pelaburan tinggi dari Singapura.

"Itu antara diputuskan MPN supaya kerajaan secepat mungkin membuka semula sempadan negara.

"Bayangkan kalau pelancongan antarabangsa dan sempadan dibuka, (Malaysia) membawa 28 juta pelancong setiap tahun ke dalam negara. Kita boleh meraih RM80 bilion setahun, manakala RM30 bilion bagi domestik," katanya pada Sesi Dialog Menteri-Menteri Ekonomi Bersama Pengerusi MPN di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Dalam pada itu, Mohamed Azmin yakin Malaysia mampu mencapai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 5.8 peratus tahun ini seperti diunjurkan Bank Dunia dengan sokongan MPN, pihak swasta, industri dan dewan perniagaan.

"Ekonomi Malaysia meningkat kepada 3.6 peratus pada suku keempat berbanding -4.5 peratus pada suku ketiga 2021.

"Ini bermakna Malaysia berada pada landasan positif. Keseluruhan pertumbuhan ekonomi pada 2021 adalah 3.1 peratus, ini satu kejayaan dan Bank Dunia mengunjurkan pertumbuhan ekonomi kita pada 2022 kepada 5.8 peratus," katanya.

Beliau berkata, prestasi perdagangan direkodkan Malaysia juga melebihi RM2.2 trilion dan nilai eksport pada 2021 direkodkan RM1.24 trilion.